KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# KERATAN SURAT KHABAR

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| SURAT KHABAR | : | SINAR HARIAN | | | |
| TARIKH | : | 26/1/2022 (RABU) | MUKA SURAT | : | 9 |
| JABATAN | : | KeTSA / JPNK | | | |



# Banyak faktor tingkat jumlah harimau

Aktiviti pembalakan hutan terpilih perlu difahami secara menyeluruh

Oleh RAJA NUR FAZNIE AIDA

SHAH ALAM

PEMBALAKAN BAIK UNTUK POPULASI HARIMAU

Pakar hidupan liar berpendapat kenyataan Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan (JPNK), Abdul Khalim Abu Samah berhubung kebaikan pembalakan hutan terhadap populasi harimau itu benar tetapi dapatan mengenai perkara tersebut belum difahami secara menyeluruh.

Pengarah *Wildlife Conservation Society* (WCS) Malaysia, Dr Mark Rayan Darmaraj berkata, apabila pokok tumbang disebabkan oleh faktor semula jadi seperti ribut yang kuat, ia akan mewujudkan persekitaran yang disukai oleh haiwan yang memakan tumbuh-tumbuhan sahaja.

Jelasnya, perkara yang sama juga dijangka berlaku di hutan yang terdedah kepada pembalakan terpilih meskipun intensitinya adalah lebih tinggi berbanding dengan pokok yang tumbang disebabkan oleh faktor semula jadi.

"Justeru, apa yang dikatakan Pengarah JPNK adalah betul apabila aktiviti pembalakan sememangnya membuka kanopi yang menyebabkan lebih banyak tumbuhan tumbuh kerana pendedahan yang meningkat kepada cahaya matahari.

"Bagaimanapun, ini tidak semestinya bermaksud ia akan diterjemahkan kepada peningkatan populasi harimau kerana bergantung kepada banyak faktor lain," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.



MARK RAYAN



AHMAD ISMAIL

LAPORAN MUKA DEPAN

Pada Isnin, Abdul Khalim mendakwa aktiviti pembalakan di Kelantan tidak menjejaskan populasi harimau.

Abdul Khalim berkata, proses itu sebaliknya baik untuk pertambahan populasi berpandukan kepada kajian yang dibuat oleh seorang pakar dari Sarawak.

Menurutnya, apabila ada pembalakan banyak tumbuhan baharu akan tumbuh yang menarik haiwan seperti kancil untuk datang ke kawasan tersebut.

Dalam pada itu, Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Profesor Dr Ahmad Ismail berkata, kenyataan Pengarah JPNK itu boleh diterima tetapi dalam kontek ekologi harimau dan pemuliharaannya banyak faktor lain yang perlu dilihat antaranya aktiviti pembalakan terpilih.

Tambah beliau, faktor keluasan dan kedudukan hutan juga penting bagi pergerakan harimau.

"Adakah hutan yang ditebang secara terpilih itu mampu menampung habitat harimau dan kawasan legar harimau yang memerlukan 100 hingga 150 kilometer persegi?

"Harimau bukan haiwan yang jinak dengan aktiviti manusia. Kehadiran manusia harimau akan lari jauh. Jadi, adakah kawasan cukup untuk harimau lari ketika aktiviti pembalakan," soalnya.

Sementara itu, Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah mempertahankan kenyataan Pengarah Perhutanan Negeri yang menyatakan pembalakan tidak menjejaskan populasi harimau.

Beliau berkata, pembalakan yang teratur serta mengikut peraturan ditetapkan oleh Majlis Tanah Negara membantu pengurusan dan kestabilan hutan.

"Yang dia (Abdul Khalim) sebut itu betul. Ada kajian orang buat...WWF (Tabung Hidupan Liar Sedunia).

"Berdasarkan pandangan itu makna pembalakan ini... maksudnya pembalakan terpilih boleh bantu pengurusan hutan. Tak bangkitlah isu orang salahkan pembalakan seolah-olah pembalakan menyebabkan harimau keluar.. banjir dan lain-lain," katanya dipetik daripada laporan *Astro Awani* pada Selasa.